



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(110)

## SIARAN MEDIA

### 12 TUKUN TIRUAN DILABUHKAN DI PERAIRAN NEGERI TERENGGANU BAGI USAHA KONSERVASI

**30 MEI 2024, MARANG** - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melabuhkan 12 unit tukun tiruan jenis kuboid juvenil penghalang pukat tunda bagi tujuan konservasi bernilai RM400,000 di perairan taman laut Pulau Kapas dan Pulau Redang.

Ketua Pengarah Perikanan Dato' Adnan Hussain berkata bagi tahun 2024 sebanyak RM2.4 juta diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui projek kelestarian dan kesihatan sumber bagi pembangunan tukun tiruan konservasi di 12 lokasi di enam buah negeri iaitu Kedah, Perak, Melaka, Pahang, Terengganu serta Wilayah Persekutuan Labuan.

"Negeri Terengganu menerima peruntukan untuk pembangunan tukun tiruan dibawah DOF pada setiap tahun di sepanjang RMKe-11 hingga RMKe12. Sepanjang tempoh RMKe-12 (2021 hingga 2025) keseluruhan peruntukan pembangunan bagi projek tukun tiruan DOF berjumlah RM11.28 juta.

"Dari tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 202 unit tukun tiruan telah berjaya dilabuhkan di 25 lokasi dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah RM6.18 juta. Bagi tempoh 2021 hingga 2024, sejumlah 46 unit tukun telah dilabuhkan di enam lokasi di negeri Terengganu dengan peruntukan sejumlah RM 1.357 juta," ujarnya.

Pogram usahasama ini bertujuan bagi memulihara serta meningkatkan sumber perikanan marin seterusnya dapat memberi manfaat kepada 8,309 orang nelayan di negeri Terengganu. Tukun ini juga dapat mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan tidak mesra sumber di kawasan perairan pantai.

Tukun kuboid juvenil dapat menyediakan habitat dan perlindungan kepada ikan bersaiz kecil dan peringkat juvenil. Lubang pada bahagian sisi tingkat kedua dan ketiga ditutup supaya pergerakan arus dapat dikurangkan dan ikan juvenil akan berlandung dikawasan tertutup. Kawasan pembiakan dan nurseri untuk ikan dan hidupan marin ini secara tidak langsung mewujudkan kawasan ekopelancongan untuk aktiviti rekreasi seperti selam skuba.

DOF juga pada tahun 2020 telah menjalankan kajian keberkesanan tukun tiruan ke atas 84 tapak dan hasil kajian mendapati terdapat antara 129-6,047 kilogram (kg) biomassa ikan direkodkan pada satu tapak tukun tiruan dengan nilai sumber tertinggi berjumlah RM 84,759.60.

Turut hadir, YB Dr. Azman Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu serta Pengarah Perikanan Negeri Terengganu, Encik Ruzaidi Mamat.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)